



Imam Feisal (kiri) bersama panel perbincangan Indeks Undang-undang Membina Sebuah Kerajaan dan Pemerintahan Islam anjuran IAIS dan Inisiatif Cordoba Malaysia. [FOTO NURUL SHAFINA JEMENON/BH]

Penanda aras negara Islam

Ciri-ciri berlandaskan cara pentadbiran ikut maqasid syariah

BH 5/6/14

MS 33

Status negara Islam menimbulkan banyak perbincangan, tetapi hingga kini belum ada persetujuan bagaimana yang dikatakan negara Islam itu atau apakah ciri dimiliki bagi membolehkan sesebuah negara diiktiraf sebagai negara Islam.

Melihat kepada keperluan itu, Inisiatif Cordoba menghasilkan Indeks Peraturan dan Undang-Undang Islam yang bakal diterbitkan akhir tahun ini sebagai panduan yang memberi gambaran ciri-ciri atau nilai perlu ada pada sebuah negara Islam.

Pengerusinya, Imam Feisal Abdul Rauf, berkata ilmuwan daripada pelbagai mazhab dari beberapa negara termasuk Malaysia menyertai perbincangan itu bagi mengenal pasti seterusnya bersetuju bagaimana untuk mendefinisikan negara Islam.

Katanya, apabila tidak ada ukuran dan definisi, agak sukar untuk mengatakan sesuatu itu wujud, justeru dengan adanya persetujuan pakar mengenai definisi negara Islam sekurang-kurangnya ia boleh menjadi kayu pengukur.

Konsep negara Islam

“Jarak kita boleh ukur dengan ukuran meter sementara suhu menggunakan termometer, tetapi negara Islam konsepnya bagaimana? Projek indeks syariah ini mendapatkan pandangan pakar dan lihat jika mereka boleh bersetuju dengan satu definisi negara Islam.

“Hasil daripada perbincangan itu akan disusun kemudian kita ambil apa yang dirasakan sangat berteepatan dan sesuai dengan negara Islam,” katanya pada ceramah umum Indeks Undang-undang Membina Sebuah Kerajaan dan Pemerintahan Islam anjuran bersama Institut Antarabangsa Pengajian Islam Lanjutan (IAIS) Malaysia dan Inisiatif Cordoba Malaysia.

Imam Feisal berkata, walaupun

al-Quran ada menyebut mengenai tadbir urus yang baik, tetapi tidak ada perincian mengenai pembinaan negara dan menjadi tanggungjawab pakar untuk menjelaskan mengenai kedaulatan ummah serta keluhuran undang-undang Allah SWT.

Beliau berkata, bahagian kedua daripada buku Indeks Peraturan dan Undang-Undang Islam itu nanti akan mengemukakan persetujuan pakar mendefinisikan negara Islam dan tidak dinafikan sudah tentu terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan pakar terbahit termasuk dua pakar Syiah.

Pandangan pakar lapan negara

“Kita perlu mendapatkan pandangan mereka yang mahir undang-undang Islam walaupun berbeza mazhab supaya indeks ini dapat diterima semua pihak. Oleh itu, kita memilih 15 sarjana daripada lapan negara yang diterima masyarakat Islam dunia.

“Kita tidak mahu buku yang memberi gambaran mengenai nilai perlu ada pada sesebuah negara Islam ini nanti ditolak. Muslim terlalu banyak mitos dan mitos paling bahaya ialah pendapat mengatakan dia saja betul sementara yang lain tidak Islamik sedangkan kita ada empat mazhab,” katanya.

Indeks Peraturan dan Undang-undang Islam bertujuan mentakrifkan negara Islam moden menggunakan penanda aras yang boleh diukur yang menjelaskan prinsip tadbir urus Islam terutama dalam memelihara prinsip maqasid syariah iaitu nyawa, akal, harta, maruah, agama dan keluarga.

Indeks Peraturan dan Undang-undang Islam turut melihat kepada isu

membabitkan hubungan antara agama dan negara, syariah dan Perlembagaan, Islam dan masyarakat bukan Islam, Islam dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa, mekanisme pembaharuan kehakiman dan kedaulatan undang-undang.

Imam Feisal berkata, indeks syariah yang memakan masa enam tahun untuk direalisasikan itu akan mengemukakan satu model negara Islam berasaskan syariah untuk melihat sejauh mana sesebuah negara mematuhi prinsip tadbir urus Islam yang baik.

“Indeks itu akan membantu kerajaan dan rakyat Islam untuk mengetahui bagaimana negara itu menepati ciri-ciri negara Islam, sejauh mana mereka mematuhi undang-undang Islam sebagai asas kepada sistem pentadbiran mereka,” katanya.

Justeru katanya, nama tidak penting tetapi yang lebih utama ialah pelaksanaan hukum dan peraturan syariah termasuk sejauh mana negara sudah lakukan untuk rakyat dalam mencapai keadilan kerana objektif utama adalah memenuhi maqasid syariah itu sendiri.

Beliau berkata, indeks syariah itu juga tidak menjawab semua persoalan kerana ia adalah usaha berterusan untuk menggalakkan kerajaan menjadi lebih baik selari matlamat maqasid bukan bertujuan mencegah, tetapi mengambil tindakan satu langkah terkehadapan.

Sebab itu katanya, dalam penilaian dibuat, sarjana tidak mengenal pasti negara yang boleh dikategorikan atau dijadikan contoh sebagai negara Islam, sebaliknya melihat sejauh mana mereka menjadikan sya-

riah landasan kepada sistem pentadbiran negara.

Bagaimanapun katanya, Malaysia berada dalam senarai lima teratas yang berjaya memenuhi beberapa prinsip maqasid syariah. Malah, negara ini sering dirujuk sebagai contoh kepada model negara Islam.

Imam Feisal secara peribadi mengakui tidak bersetuju dengan penggunaan atau pelabelan perkataan ‘Islam’ pada negara dan produk kerana penggunaan perkataan itu hakikatnya sukar untuk didefinisikan serta hanya akan menyempitkan konsep agama.

Ubah sikap masyarakat Islam


Katanya, sukar untuk mengubah sikap masyarakat Islam yang suka menggunakan perkataan Islam walaupun hakikatnya mereka sendiri tidak mampu untuk menterjemahkan maksud perkataan Islam yang digunakan itu.

Mengambil contoh perbankan Islam, beliau menimbulkan persoalan apakah ia dinamakan perbankan Islam kerana pekerjaannya Islam dan memberi perkhidmatan kepada orang Islam saja. Katanya, perkhidmatan itu akan menarik minat termasuk bukan Islam jika ia dinamakan ‘perbankan bebas faedah’.

“Negara Islam, perbankan Islam, makanan Islam, semua itu tidak jelas kerana sukar didefinisikan. Adakah negara Islam kerana rakyatnya orang Islam. Amerika Syarikat ada beratus masjid adakah ia negara Islam. Bagaimana dengan negara tidak Islam, tetapi pentadbiran menepati prinsip Islam.

“Oleh itu, kita perlu buat masyarakat faham dan diharap melalui indeks syariah ini mereka mendapat gambaran mengenai apa yang dikatakan sebagai tadbir urus yang baik memenuhi kehendak syariah.

“Nama tidak penting, tetapi penyampaian itu yang penting,” katanya.



Imam Feisal



**HASLIZA
HASSAN**

hasliza_hassan@
bh.com.my